

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Pemulihan COVID-19



Pekerja membersihkan Taman Tema Air Mini Pok Nik di Kuantan, semalam.

(Foto BERNAMA)

54 taman tema boleh operasi esok

Pengusaha perlu patuhi SOP, had pengunjung ikut kapasiti ruang

Oleh Rohaniza Idris, Suzalina Halid, Mohd Iskandar Ibrahim, Fahmy A Rosli dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 54 taman tema, termasuk taman tema air di seluruh negara dibenarkan beroperasi bermula esok dengan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Ia diputuskan oleh Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kebenaran itu membolehkan lebih 10,000 tenaga kerja yang bekerja di taman tema berkegiatan.

"Pengusaha semua taman tema perlu mematuhi SOP yang ditetapkan, termasuk memastikan penjarakan sosial dipatuhi pada setiap masa.

"Had pengunjung adalah berdasarkan kapasiti ruang serta saiz kawasan taman tema," katanya pada sidang media harian mengenai Perintah Kawalan Per-

Pengusaha semua taman tema perlu mematuhi SOP yang ditetapkan.

Ismail Sabri Yaakob,
Menteri Kanan
(Keselamatan)

gerakan Pemulihan (PKPP) di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, pengunjung juga perlu menjalani proses pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera serta pemeriksaan suhu badan dan penyediaan cecair pencuci tangan.

Bagi pengusaha taman tema air, mereka perlu mengikut Garis Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kolam Renang Awam oleh Pihak Berkuasa Tempatan, serta Garis Panduan Pemantauan Kualiti Kolam Air.

"Garis Panduan serta SOP boleh diperolehi dari laman sesawang Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ke-

bimbangan utama KKM adalah berlakunya perhimpunan serta kesesakan orang ramai apabila taman tema mula dibuka.

"Justeru, kami menasihatkan semua pihak mengambil langkah pencegahan dan menjaga kebersihan. Malah, taman tema yang beroperasi juga tidak dibuka 100 peratus bagi mengelakkan kesesakan," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini.

Mengulas mengenai kebersihan air, Dr Noor Hisham menasihati pengusaha taman tema air supaya membersihkan kolam dan air dengan lebih kerap.

"Isu kebersihan air yang digunakan di taman tema bukan isu baharu. Air yang digunakan perlu mengikut tahap kebersihan iaitu menggunakan klorin," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

8

SELASA, 30 JUN 2020 **BI**

Nasional

Sultan Ibrahim berkenan biayai baik pulih wad HSA terbakar

Johor Bahru: Sultan Ibrahim Iskandar berkenan membiayai kos membaik pulih Wad Perubatan Perempuan 1 Hospital Sultanah Aminah (HSA) yang terbakar petang kelmarin.

Dalam hantaran yang dimuat naik menerusi akaun Facebook rasmi baginda semalam, Sultan Ibrahim bertitah akan melantik kontraktor bagi membolehkan kerja pembaikan dimulakan segera dengan kos ditanggung sepenuhnya oleh Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ).

"Saya mahukan Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Kesihatan Johor serta Pengarah Bomba Johor bersama membincangkan segera pelan pembaikan yang akan dilakukan oleh kontraktor.

"Selalunya kos pembaikan jika dilakukan kerajaan akan mengambil sedikit masa kerana terdapat sistem yang perlu dilalui dan saya

tidak salahkan kerajaan.

"Oleh demikian saya mahukan kerja pembaikan dilakukan segera," titah baginda dalam hantaran berkenaan.

Sultan Johor bertitah, baginda sentiasa mengutamakan rakyatnya dan peranan YSIJ juga amat besar kerana sentiasa terbabit membantu orang ramai dalam pelbagai perkara.

Wad Perubatan Perempuan 1 HSA dilaporkan terbakar pada jam 2.50 petang kelmarin, namun tidak membabitkan kemalangan jiwa atau kecederaan serius.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Johor tiba di tempat kejadian pada jam 3.13 petang dan berjaya memadamkan kebakaran lima minit kemudian.

Pesakit dan waris dipindahkan ke lokasi lain di HSA untuk sementara waktu atas faktor keselamatan.

Saya mahukan Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Kesihatan Johor serta Pengarah Bomba Johor bersama membincangkan segera pelan pembaikan yang akan dilakukan oleh kontraktor.

Sultan Ibrahim Iskandar



(Foto ihsan Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar)

Kebakaran di Wad Perubatan Perempuan 1 HSA



Dr Adham (dua dari kanan) menyerahkan peralatan perlindungan diri (PPE) kepada Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan Chini, **Dr Isyafiq Qamal** ketika melakukan lawatan di Klinik Kesihatan Chini dekat Pekan, semalam.

(Foto BERNAMA)

Pendawaian semua hospital diutamakan

KKM tambah baik sistem elak kejadian buruk berulang

Pekan: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memberi keutamaan untuk melihat semula sistem pendawaian di hospital seluruh negara bagi mengelak kejadian kebakaran seperti di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru, kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata beberapa peruntukan sudah diluluskan bagi tujuan berkenaan.

"Kita memberi keutamaan un-

tuk melihat sistem pendawaian di seluruh negara dan kita sudah luluskan beberapa peruntukan penting untuk lihat perkara itu.

"Ada beberapa keutamaan yang kita akan berikan," katanya kepada pemberita selepas melawat Klinik Kesihatan Chini dekat sini, semalam.

Beliau mengulas kebakaran di Wad Perubatan Perempuan 1, HSA, kelmarin.

Kejadian kira-kira jam 3 petang itu tidak mengakibatkan kematian kerana semua 24 pesakit di wad berkenaan berjaya diselamatkan hasil tindakan pantas petugas hospital.

HSA pernah terbakar pada Oktober 2016 membabitkan tingkat dua unit rawatan rapi (ICU) selatan yang mengakibatkan enam

pesakit maut.

Sementara itu, Dr Adham turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar atas perkenan membiayai kos membaik pulih wad HSA yang terbakar itu.

"Kalau mengikut proses KKM mungkin mengambil masa lama dan mengikut titah Tuanku, tiga pihak iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kerja Raya, dan KKM akan duduk serta menyiapkan pelan yang terbaik.

"Saya melawat kawasan itu semalam (kelmarin) dan ada sedikit sebanyak perlu dibuat. Keseluruhan kompleks itu perlu dilakukan pendawaian semula dan tambah baik ruang penempatan pesakit," katanya. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

18

Nasional

Dana RM2 juta bina pusat hemodialisis


Penduduk tak perlu ulang alik 80km cuci darah di Pekan

Pekan: Sebuah pusat hemodialisis bakal dibina di kawasan Chini membolehkan peruntukan RM2 juta, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Dr Adham berkata, ia bakal dibina di tapak yang sudah dikenal pasti dan akan dilengkapi 10 mesin hemodialisis serta sistem rawatan air (osmosis berbalik).

"Dengan adanya pusat hemodialisis ini, pesakit tidak perlu dihantar tempat yang jauh dan ia adalah keperluan mendesak. Kita di Kementerian Kesihatan (KKM) memang sentiasa membuat persiapan dan kesiapsiagaan supaya dapat beri rawatan terbaik untuk pesakit buah pinggang," katanya selepas mengadakan lawatan ke Klinik Kesihatan, Chini dekat sini, semalam.

Ketika ini pesakit buah pinggang di kawasan Chini terpaksa berulang alik lebih 80 kilometer (km) untuk mencuci darah di Unit Hemodialisis Pekan.



Mengulas lawatan di klinik kesihatan itu, Dr Adham berkata, KKM akan melihat keperluan untuk melengkapkannya dengan 'ruang kecemasan' berikutan klinik itu terletak jauh dari Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan dan Hospital Pekan.

"Klinik ini merawat antara 300 hingga 500 pesakit sehari dan memang ada keperluan untuk dilaksanakan tempat rawatan kecemasan. Begitu juga pusat rawatan radiologi dilengkapi mesin X-ray serta perkakasan untuk bantu diagnosis," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, KKM akan menempatkan petugasnya untuk membantu

dari segi khidmat teknikal bagi kelancaran proses pengundian awal Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri Chini esok, termasuk memastikan proses itu mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Sebanyak 18 pengundi awal membolehkan anggota polis mengundi esok di Bilik Maklumat, Balai Polis Chini dekat sini.

Sementara itu, Calon Barisan Nasional (BN) bagi PRK DUN Chini, Mohd Sharim Md Zain, tidak mahu terlalu memikirkankan dakwaan pihak tertentu bahawa beliau bukan anak jati Pahang, yang dilihat cuba menidakkkan kelayakan beliau untuk bertanding sebagai calon di DUN itu.

Mengakui dilahirkan di Alor Setar, Kedah, Mohd Sharim, berkata apa yang penting ialah beliau bermastautin di FELDA Chini 3 dekat sini, hampir 40 tahun dan memahami apa yang diperlukan masyarakat di sini.

"Kita semua mengetahui masyarakat peneroka FELDA semanganya datang dari pelbagai negeri," katanya.

Mohd Sharim berkata, beliau menetap di FELDA Chini 3 sejak berusia dua tahun selepas keluarganya menjadi peneroka pada 1981.

BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

6

www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Selasa 30.06.2020 | Harian Metro

lokal

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru

Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar bertitah berkenan membiayai kos membaik pulih Wad Perubatan Perempuan Hospital Sultanah Aminah (HSA), yang terbakar, petang kelmarin.

Dalam muat naik di akaun Facebook rasmi baginda, Sultan Johor bertitah baginda juga akan melantik kontraktor bagi membolehkan kerja pembaikan dapat dimulakan segera dengan kos pembaikan ditanggung sepenuhnya Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ).

"Saya mahukan Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Kesihatan Johor serta Pengarah Bomba Johor bersama membincangkan segera pelan pembaikan yang akan dilakukan oleh kontraktor.

"Selalunya kos pembaikan jika dilakukan kerajaan akan mengambil sedikit masa kerana terdapat sistem yang perlu dilalui dan saya tidak salahkan kerajaan, oleh yang demikian saya mahukan kerja pembaikan dilakukan segera," titah baginda dalam muat naik itu.

Sultan Johor bertitah, baginda sentiasa mengutamakan rakyat dan peranan YSIJ amat besar kerana sentiasa terbabit membantu orang ramai.

"Tiada sebarang kecederaan dan kematian dilaporkan dalam kebakaran itu,"

KEBAKARAN WAD HSA

Sultan Johor biayai kos



WAD Perubatan Perempuan Satu HSA terbakar kira-kira jam 2.50 petang kelmarin.



'Misi' selamat wad perubatan

Perkakas pemindahan pesakit dipindahkan ke wad lain. 24 pesakit selepas kebakaran terbakar

Nampak asap, api di penjuru bangunan

Asap tebal keluar dari bangunan. Pesakit dipindahkan ke wad lain. 24 pesakit selepas kebakaran terbakar

LAPORAN Harian Metro, semalam.

Tiada kematian: HSA

Johor Bahru: Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) menafikan dua warga emas maut ketika pemindahan pesakit susulan kebakaran di Wad Perubatan Perempuan Hospital Sultanah Aminah (HSA), kelmarin, seperti yang tular di media sosial.

Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr Aman Rabu berkata, semua pesakit yang berada di dalam wad terbakar selamat tanpa sebarang kecederaan.

Katanya, tiada kematian semasa dan selepas pesakit dipindahkan berikutan kebakaran itu.

"Seperti yang disahkan oleh Pengarah HSA, Dr Mohtar Pungut dan sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba tiada kematian disebabkan kebakaran," katanya.

Kelmarin, tindakan pantas jururawat serta kakitangan hospital memindahkan semua pesakit di wad terbakar menyelamatkan 24 pesakit yang ditempatkan di Wad Perubatan Perempuan HSA.

kan dalam kebakaran itu,"

titah baginda. Wad Perubatan Perempuan 1 HSA dilaporkan terbakar kira-kira jam 2.50 petang kelmarin, namun tidak membabitkan kemalangan jiwa atau kecederaan serius.

Jabatan Bomba dan Pe-

nyelamat (JBPM) Johor tiba di tempat kejadian pada jam 3.13 petang dan kebakaran terbabit berjaya dipadamkan lima minit kemudian dengan pesakit serta waris dipindahkan ke lokasi lain di HSA untuk sementara waktu atas faktor keselamatan.

Kuala Lumpur: Sebuah jawatankuasa diwujudkan bagi meniasat insiden kebakaran di Wad Perubatan Perempuan Hospital Sultanah Aminah (HSA) di Johor Bahru, kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, langkah keselamatan juga diambil bagi memastikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat tidak akan terjejas.

Menurutnya, seramai 24 pesakit dari wad itu selamat dipindahkan ke bangunan berdekatan sejurus kebakaran terbabit.

"Beberapa pesakit dari wad berdekatan juga dipindahkan untuk tujuan keselamatan. Tiada kemalangan jiwa atau kecederaan pesakit dan anggota dilaporkan akibat insiden itu.

"Saya memuji anggota kesihatan dan pihak pengurusan HSA atas tindakan pantas memastikan keselamatan pesakit serta anggota kesihatan yang lain," kata-

Tubuh jawatankuasa khas



SERAMAI 24 pesakit dapat diselamatkan dalam kebakaran yang berlaku kelmarin.

nya dalam satu kenyataan di Facebook, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, apa yang penting dan menjadi keutamaan adalah ke-

selamatan petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pesakit.

"Saya berharap kerjasama padu pelbagai kementerian

dan agensi dapat menyusun untuk tempoh jangka masa pendek dan panjang pembangunan hospital ini," katanya.

KKM siasat sistem pendawaian hospital di seluruh negara

Pekan: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memberi keutamaan untuk melihat semula sistem pendawaian di hospital di seluruh negara bagi mengelak kejadian kebakaran sama berlaku seperti di Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru, kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, beberapa peruntukan juga sudah diluluskan bagi tujuan berkenaan.

"Kami akan memberi keutamaan untuk melihat sistem pendawaian di seluruh negara dan kelulusan beberapa peruntukan penting untuk kita lihat perkara terbabit...ada beberapa keutamaan yang kita perlu tekankan dan beri keutama-

an," katanya kepada pemberita selepas melawat Klinik Kesihatan Chini, dekat sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kebakaran yang berlaku di Wad Perubatan Perempuan 1, HSA pada jam 2.50 petang kelmarin.

Bagaimanapun, kejadian itu tidak mengakibatkan sebarang kematian kerana kesemua 24 pesakit yang berada di wad berkenaan berjaya diselamatkan hasil tindakan pantas petugas di hospital itu.

HSA pernah terbakar pada Oktober 2016 memabitkan tingkat dua unit rawatan rapi (ICU) selain mengakibatkan enam pesakit maut.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

Warga tempatan, asing perlu tanggung kos ujian saringan Covid-19

Kuala Lumpur: Rakyat Malaysia dan warganegara asing yang pulang ke Malaysia perlu menanggung kos ujian saringan Covid-19 setibanya di pintu masuk negara ini bermula semalam.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, mesyuarat khas Menteri-Menteri mengenai pelaksanaan PKP, semalam membuat keputusan berkenaan.

“Bagaimanapun, mesyuarat turut memutuskan untuk memberi pengecualian caj bagi tiga kategori iaitu orang ke-lainan upaya (OKU) yang

mempunyai kad OKU dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Selain itu, pengecualian turut diberikan kepada pegawai kerajaan yang kembali dari luar negara atas tugas rasmi dan penuntut yang pulang dari luar negara buat kali pertama dan perlu mengemukakan bukti pengajian,” katanya.

Beliau berkata, mereka boleh menuntut semula caj daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) jika sudah membuat bayaran ujian saringan sebelum keputusan pengecualian dibuat.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

16 kes pulih Covid-19 dibenarkan pulang

Kuala Lumpur: Sebanyak 16 kes pulih daripada jangkitan Covid-19 dan dibenarkan discaj, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dan discaj dari wad adalah sebanyak 8,334 kes iaitu 96.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Hari ini (semalam), setakat jam 12 tengah hari, terdapat tiga kes baharu dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 8,637 kes.



DR Noor Hisham

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 adalah 182 kes. Mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan.

"Tiga kes baharu yang dilaporkan termasuk satu kes import mendapat jangkitan di luar negara membabitkan warganegara Malaysia," katanya dalam sidang media harian perkembangan terkini Covid-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kedua-dua kes penularan di dalam negara juga dalam kalangan warganegara Malaysia.

Memperincikan kes penularan dalam negara, beliau berkata, satu kes di kesan di Selangor melalui saringan pra-prosedur bagi rawatan penyakit barah da-

rah dan satu kes saringan tempat kerja iaitu di pasar di Sandakan, Sabah.

Katanya, hingga kini, empat kes positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada jumlah itu, hanya satu kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan hari ini (semalam).

"Justeru, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia kekal 121 kes atau 1.40 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Dua penumpang positif

KKM kesan penumpang penerbangan Kuala Lumpur ke Kemboja

Oleh TUAN BUQHAIKHAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Pengesanan aktif kes sedang dijalankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selepas dua daripada penumpang penerbangan Kuala Lumpur ke Kemboja disahkan positif koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata,

pihaknya telah mendapat notifikasi daripada International Health Regulations (IHR) Kemboja dan pengesanan sedang dijalankan bagi membolehkan tindakan segera diambil.

"KKM akan mengenal pasti penumpang yang berada dua barisan di hadapan dan belakang kepada kes positif berkenaan.

"Kita sedang bekerjasama dengan syarikat penerbangan bagi mengenal pasti mereka yang terdedah kepada risiko," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Kelmarin, media antarabangsa melaporkan terdapat dua kes positif import melibatkan warga Kemboja yang menaiki penerbangan terus dari Malaysia ke negara itu



DR NOOR HISHAM

pada Jumaat lalu.

Selain 103 penumpang warga Kemboja dalam penerbangan itu, dilaporkan terdapat dua rakyat Malaysia menaiki pesawat sama.

Mengulas lanjut mengenai kes berkenaan, beliau berkata, seorang daripada dua warga Kemboja yang dikesan positif Covid-19 sebaik tiba ke

negara asal dari Malaysia, merupakan bekas pesakit kes indeks ke-1,051 yang telah disahkan sembuh.

Menurutnya, individu berkenaan sudah diasingkan dan diberi rawatan sebelum dibenar pulang ke negara asal, namun masih didapati positif ketika ujian saringan Covid-19 dilakukan.

Dr Noor Hisham berkata, keputusan berkenaan berkemungkinan daripada virus lemah yang sudah mati.

Dalam pada itu, ditanya mengenai pembukaan taman tema bermula 1 Julai ini, beliau berkata, pengunjung diharap dapat menjaga jarak antara satu sama lain.

"Kebimbangan KKM adalah sekiranya berlaku perhimpunan. Kita kena pastikan jarak," katanya.

Kes baharu catat satu angka

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan tiga kes baharu positif koronavirus (Covid-19) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes melibatkan rakyat tempatan dikesan di Selangor dan Sabah.

"Di Selangor, satu kes saringan pra prosedur bagi penyakit leukemia dan kes saringan tempat kerja di sebuah pasar di Sandakan, Sabah.

"Satu lagi kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan rakyat negara ini dengan ketiga-tiga kes tersebut menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 meningkat kepada 8,637 kes dengan 182 kes yang masih aktif dan dirawat di hospital," katanya.

Beliau berkata, empat kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan seorang daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 16 pesakit Covid-19 telah pulih dan dibenar discaj semalam.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah 8,334 kes bersamaan dengan 96.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Kata beliau, jumlah kematian kekal pada 121 kes selepas tiada kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan.

Dalam perkembangan sama, beliau memberi amaran kepada individu yang pulang dari luar negara bakal berdepan hukuman denda dan dipenjarakan sekiranya gagal mematuhi Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah (HSO).

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : SINAR NEGERI

KKM sambut baik titah Sultan Johor

Pelan terbaik untuk baik pulih HSA akan dilaksanakan segera

Oleh NOR KHALILAH
GUSTI HASSAN

PEKAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merakamkan penghargaan atas kesudian Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar untuk membiayai kos baik pulih sebahagian bangunan Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor yang terbabat dalam kebakaran kelmarin.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, pihaknya menyambut baik perkenan baginda untuk membantu mempercepatkan baik pulih bangunan tersebut yang dikatakan akan mengambil masa yang lama sekiranya menunggu proses daripada KKM.

Sultan Ibrahim menerusi hantaran Facebook baginda dipetik sebagai bertitah, kos tersebut akan dibiayai Yayasan Sultan Ibrahim Johor.

“Titah Tuanku agar tiga pihak iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM),



Dr Adham (kanan) menyantuni seorang pesakit yang mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Chini semalam.

Jabatan Kerja Raya (JKR) dan KKM untuk menyiapkan pelan yang terbaik bagi membaik pulih hospital itu akan dilaksanakan dan disiapkan secepat mungkin,” katanya pada sidang akhbar di Klinik Kesihatan Chini di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, KKM akan memperuntukkan sejumlah RM2 juta bagi membina sebuah pusat hemodialisis di Klinik Kesihatan Chini untuk kemudahan penduduk setempat.

Pusat tersebut katanya, akan menempatkan sekurang-kurangnya 10 mesin yang akan memanfaatkan dan memberikan

keselesaan kepada pesakit selain membina sebuah pusat air terawat bagi keperluan pusat hemodialisis berkenaan.

Untuk rekod, pusat hemodialisis terdekat dengan Bandar Dara Chini terletak di Kuantan dan Sungai Lembing dengan jarak masing-masing kira-kira 79 dan 110 kilometer.

Dalam rangka lawatannya ke beberapa klinik kesihatan daerah ini, Dr Adham berkata, ia sebagai persediaan KKM memberikan perkhidmatan ke arah lebih baik terutama sistem pendawaian bangunan agar kejadian kebakaran yang berlaku di HSA tidak berulang.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS / NATION

CLOSE CONTACTS

2 returning to Cambodia test positive for Covid-19

KUALA LUMPUR: One of two Cambodian nationals diagnosed with Covid-19 upon returning to the kingdom from Malaysia is the former index case patient number 1,051, who has since been cured of the infection.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said another passenger who tested positive was a 15-year-old Cambodian student at a tahfiz centre in Malaysia.

He said the Health Ministry was notified by Cambodian health authorities, and close contact case tracing would be initiated by Malaysian authorities.

"It is not that serious. Although he had been discharged, the positive case was tested using the

Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-CPR) test, so it is now an inactive virus," he said in Putrajaya yesterday.

Dr Noor Hisham said the Health Ministry would work with the airport and the flight operator to identify others on the ground and on the plane who had been exposed to the infection.

On Sunday, international media cited two positive cases being imported into the kingdom involving Cambodians boarding a direct flight from Malaysia to the country on Friday.

In addition to the 103 Cambodian passengers, there were also two Malaysians on board the flight.



*Datuk Dr Noor
Hisham Abdullah*

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEWS / NATION

SULTANAH AMINAH HOSPITAL

Fire Dept, Health Ministry review hospital fire safety

PEKAN: The Fire and Rescue Department (JBPM) and Health Ministry have initiated a joint study to tackle fire incidents at government hospitals nationwide.

Its deputy director-general (operations), Datuk Abdul Wahab Mat Yassin, said JBPM and the Health Ministry had been engaged in a series of talks to draft a note of understanding on several aspects involving the safety requirements at the premises.

"Both parties had met several times to check and discuss the contents of the note of understanding before it is finalised.

"However, the Movement Control Order due to the Covid-19 pandemic resulted in some setbacks and the finer details could not be completed.

"The note of understanding was to coordinate proper action in ensuring that safety rules at all hospitals are adhered to.

"Input gathered from JBPM and ministry will be scrutinised before it is included in the final draft," he told reporters at the People Friendly Homes 2020 programme at Kampung Salong in Chini here yesterday.

He earlier accompanied deputy

Housing and Local Government Minister Datuk Seri Ismail Abd Muttalib to the event.

Wahab said the note of understanding will include organising joint training programmes between JBPM and the Health Ministry which will ensure that hospital staff are prepared in the event of any emergency.

"JBPM will provide consultation and the Health Ministry will provide input to ensure all hospitals are able to follow the requirements specified by the department.

"Fire drills and training exercise will allow the medical staff to have a better understanding to respond during an emergency."

Speaking on the fire incident at Sultanah Aminah Hospital (HSA) in Johor on Sunday, he said the hospital staff responded swiftly in evacuating the 24 patients at one of its women's wards.

"The staff tried to put out the fire using the fire extinguishers. Although they could not completely douse the fire, they managed to control the situation. Firemen arrived some five minutes later to completely douse the fire."

The 3pm incident on Sunday



The early stages of the fire at Sultanah Aminah Hospital in Johor Baru, on Sunday. PIC COURTESY OF WITNESS

was initially handled by the hospital's emergency response team, but when the fire flared anew, JBPM was deployed to the scene. No casualties were reported.

On Oct 25, 2016, fire broke out at HSA's intensive care unit, causing the deaths of six patients and forcing hundreds to be evacuated.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

By-election to use special SOP

Chini polls to have thorough measures against Covid-19 for the first time

BY ELECTION

N23 CHINI

POLLING DAY: JULY 4



By ONG HAN SEAN
hansean@thestar.com.my

PEKAN: A special standard operating procedure (SOP) for the Chini state by-election in the post-Covid-19 pandemic environment would be used for the first time today, followed by the polling day on Saturday.

Pahang Health Department senior assistant director (surveillance) Dr Che Asiah Taib said Election Commission (EC) staff would check voters for symptoms at the entrance of every polling centre.

"A special station will be prepared for senior citizens and individuals with disabilities.

"Those with a body temperature above 37.5°C, cough or flu must be separated and then placed in a special tent where they will cast their votes.

"These voters will then be asked to wear latex gloves, unlike the others.

"After the process, we will assess them for further medical attention," she said at a briefing here.

Dr Che Asiah said three to five medical personnel would be sta-



Doing rounds: Dr Adham Baba checking the records of patient Razali Othman during a visit to Klinik Kesihatan Chini Pusat Bandar Dara Felda Chini. — Bernama

tioned at each polling centre.

Among the other guidelines were the wearing of face masks and the use of hand sanitiser before and after voting.

Unlike in past elections where a voter's finger was dipped into a bottle of indelible ink, a brush would be used for each voter this time and then disposed of.

After marking the voter's finger, EC staff would then place plastic gloves on the voter's hands.

Dr Che Asiah also said social distancing would be strictly maintained and voters who ignored the warnings could be fined up to RM1,000.

She said the measures had to be undertaken since there were con-

cerns over voters coming in from yellow or red zones.

Meanwhile, Pekan police chief Supt Mohd Razli Mohd Yusof said there would be strict security enforcements on polling day and roadblocks would be mounted near the tallying centre at Institut Kemahiran Belia Negara.

He said mobile patrol vehicles

would be patrolling Jalan Kuantan-Segamat near the centre and order any supporters who showed up to leave the location.

Up to 400m of barricade would be put up on both sides of the road, he said.

Supt Mohd Razli also said only Bernama and RTM were allowed at the tallying centre.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

DG: No Covid-19 deaths in the country for 15 days

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: There have been no Covid-19 deaths in the country for 15 days and there were only three new cases reported, says Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

All three new cases were Malaysians – of which two were local transmission while the other was an import case, he said.

“Of the two local transmissions, one was detected in Selangor during screening, prior to treatment for blood cancer.

“Another case was detected in Sabah from screening at a wet market in Sandakan,” said Dr Noor Hisham at the ministry’s Covid-19 press conference here.

On the import case, Dr Noor Hisham said the 28-year-old Malaysian had a recent travel history to Fiji and New Zealand, where he was denied entry into both countries.



The man also underwent quarantine in the two countries, before returning to Malaysia and testing positive for Covid-19. En route home, he had a transit stop at Singapore’s airport.

Dr Noor Hisham also said 16 more patients had been discharged, which means 8,334 patients have recovered from Covid-19 in Malaysia since the outbreak began.

This translates to a recovery rate of 96.4% out of the total number of

cases in the country.

There are now only 182 active cases being treated at health facilities nationwide.

Currently, there are four patients in intensive care units with one patient requiring ventilator support.

The country’s death toll remained at 121 cases.

Meanwhile, Dr Noor Hisham warned individuals who were under home quarantine orders to comply with the rules that have been set, or risk having action taken against them.

He said 5,909 “persons under surveillance” (PUS) were discharged from quarantine centres on June 10 and put under home surveillance order (HSO), in order to complete 14 days of quarantine.

However, out of that total, only 4,427 individuals were recorded to have undergone Covid-19 testing at government or private clinics on the 13th day.

Of that number, three positive

cases were detected.

“Therefore, a total of 1,472 individuals are still required to undergo Covid-19 testing on day 13.

“Failure to comply with the HSO is an offence, and individuals found to be in violation of the terms of the order can be fined or imprisoned or both,” he said.

On another matter, Dr Noor Hisham said the ministry had begun active case detection and contact tracing activities after two Cambodians were found positive after arriving from Malaysia last weekend.

Dr Noor Hisham said one of the two was a student from a tahfiz in the country.

“We have begun active case detection to see which tahfiz the patient went to and we will trace the individual’s close contacts.

“The ministry will also work with the airlines to identify those who were seated two rows in front and two rows behind the patients.

“We will screen and test them.”

The other individual turned out to be Malaysia’s “Patient 1051” who had been admitted for Covid-19 in the past and discharged.

“One of the individuals is an old case in Malaysia – Case 1051,” he said.

“Although the individual tested positive, it could be due to virus shedding, so it is not of much concern.

“The patient had been discharged but the virus could still be detected through a RT-PCR (reverse transcription-polymerase chain reaction) test.

“However, the virus is weak and not active.

“We will inform the Cambodian authorities that this is not a new case, but an old one that has been discharged.”

Watch the video
thestartv.com



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Three new Covid-19 cases reported

PETALING JAYA: Three new Covid-19 cases were reported as of noon yesterday, with the total number of infections, standing at 8,637 cases, with 182 active cases, according to the Health Ministry.

“All three cases are Malaysians, with one of them an import case involving an individual with recent travel to New Zealand and Fiji,” said Health director-general Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah in his daily press briefing.

The two cases are local transmissions

detected in Selangor and Sabah.

Four patients are being treated in the intensive care unit with one requiring respiratory assistance.

He added that 16 more cases have been discharged, taking the figure to 8,334 patients who have recovered from Covid-19 – representing a recovery rate of 96.4%.

Noor Hisham added that no death was reported for the 15th consecutive day, keeping the number of fatalities at 121.

– by **Elly Fazaniza**